

# Tingkat usaha beri bantuan kesejahteraan masyarakat memerlukan



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari menyerahkan sumbangan sebanyak BND300 dan siji penghargaan kepada wakil kumpulan sukarelawan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) (kiri). Sementara gambar kanan, Kumpulan Berdikari - Tarbawi dari Program Eksekutif Muda Ke-2 mengadakan Acara Penyerahan Derma dan Manual Kegiatan serta Pelancaran Kumpulan Sukarelawan bagi Kompleks Rumah Kebajikan, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

## Siaran Akhbar dan Foto : Program Eksekutif Muda Kohot Ke-2, Jabatan Perkhidmatan Awam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 26 September. - Kumpulan Berdikari - Tarbawi dari Program Eksekutif Muda Ke-2 mengadakan Acara Penyerahan Derma dan Manual Kegiatan serta Pelancaran Kumpulan Sukarelawan bagi Kompleks Rumah Kebajikan, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) pada Selasa, 25 September di Dewan Ittisal, Institut Perkhidmatan Awam.

Acara tersebut dianjurkan oleh Kumpulan Berdikari - Tarbawi yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Kumpulan

Berdikari - Tarbawi terdiri daripada 12 pegawai Perkhidmatan Awam yang mana sedang berkhidmat daripada pelbagai kementerian, iaitu Kementerian Pendidikan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Perhubungan, Kementerian Pembangunan dan Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat

Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Majlis pada hari tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Penolong Kanan Pegawai Pelajaran dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Muhammad Adlan Aziz bin Haji Yusop dan disusuli dengan ucapan alu-aluan daripada Penasihat Undang-Undang, Pejabat Pegum Negara selaku Pengerusi bersama kumpulan Berdikari - Tarbawi, Dayang Rabiqah Natasha Halim.

Seterusnya, tetamu kehormat merasmikan pelancaran kumpulan sukarelawan dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bagi Kompleks Rumah Kebajikan.

Penyerahan sumbangan sebanyak BND300 dan siji penghargaan diserahkan kepada wakil kumpulan sukarelawan UNISSA. Sumbangan merupakan

sebahagian daripada kutipan hasil jualan amal yang dijalankan dan ia adalah bertujuan untuk membantu para sukarelawan mengendalikannya aktiviti-aktiviti Bersama Kompleks Rumah Kebajikan pada masa akan datang.

Seterusnya, scsi penyerahan sumbangan derma sebanyak BND600 dan manual kegiatan bagi pihak Kompleks Rumah Kebajikan diterima oleh Penolong Pengarah Welfare Home Complex, Dayang Noryani binti Haji Abdul Rani. Sumbangan ini juga merangkumi sumbangan berupa peralatan-peralatan sekolah, buku-buku dan risalah, dan pakaian.

Objektif majlis diadakan adalah untuk memberikan nilai tambah dalam sama-sama mengembangkan lagi segala usaha untuk meningkatkan kesejahteraan bagi setiap lapisan masyarakat di negara ini, khususnya bagi memastikan inklusiviti bagi golongan *vulnerable* yang memerlukan bimbingan dan pertolongan yang mendalam. Ini termasuk individu-individu yang ditempatkan di Kompleks Rumah Kebajikan, yang mana sebuah buku panduan diserahkan kepada pihak JAPEM dengan hasrat untuk dijadikan sebagai rujukan untuk memberikan sumbangan kepada individu-individu berkenaan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah Perancangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, JPM, Awang Haji Aminuddin bin Haji Mohd. Taib; Pengarah Institut Perkhidmatan Awam, JPM, Dayang Hajah Norezan binti Haji Hambali; ketua-ketua bahagian dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

# UNISSA, KUPU SB penganjur bersama KAIB XI



REKTOR UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar bergambar ramal di Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB XI).

## Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**PONTIANAK,** Indonesia, Rabu, 26 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) terus komited menyemarakkan diseminasi ilmu dan mengongsikan hasil kajian di Kepulauan Borneo melalui penganjuran Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB XI) di Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia.

Mengutuai rombongan UNISSA ialah Rektornya, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar. KAIB XI yang berlangsung pada 25 hingga 26 September mengetengahkan tema 'Islam Dalam Ledakan Era Digital di Borneo'.

KAIB merupakan persidangan tahunan yang diterajui oleh

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak dengan kerjasama UiTM Sabah; UNISSA, KUPU SB, Brunei Darussalam; Universitas Mulawarman, Samarinda; Universitas Lambung Mangkurat, Banjarmasin dan Institut Agama Islam Negeri Pontianak, Indonesia.

Sebanyak 109 kertas kerja termasuk lapan kertas utama dibentangkan dalam persidangan tersebut yang melibatkan institusi-institusi penganjuran tinggi dari Indonesia, Brunei, Sarawak dan Sabah, Malaysia.

Turut membentangkan selaku pembentang utama dalam persidangan ini ialah mantan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman; Menteri Muda Kementerian Kemudahan Awam, Sarawak, Yang Berhormat Dr. Haji

Abdul Rahman bin Haji Junaidi dan Naib Canselor Universiti Teknologi MARA, Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said.

KAIB merupakan platform wacana ilmiah dalam usaha mengembangkan dan membangun penyelidikan Islam di Kepulauan Borneo. Sebelum ini, KUPU SB dan UNISSA menjadi tuan rumah bagi penganjuran KAIB pada tahun 2012 dan 2015. Persidangan ini mendapat sambutan daripada cendekiawan dan ulama rantau ini dalam usaha menggerakkan dakwah dan membongkar rahsia perkembangan dan tamadun Islam di Kepulauan Borneo.

Hadir bagi merasmikan persidangan ialah Bapak Sutarmidji, Gubernur Kalimantan Barat. Turut hadir Pembantu Menteri Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Sabah, Malaysia, Yang Berhormat Azhar bin Datuk Haji Matussin dan rektor-rector dari UiTM Sarawak, Sabah dan IAIN Pontianak.

## Seorang warganegara tempatan dihadapkan ke mahkamah

### Siaran Akhbar : Biro Mencegah Rasuah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 26 September. - Seorang warganegara tempatan dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan.

Dayang Kalsum binti Haji Mohd. Ja'afar, bekas Pemilik dan Pengetua DKRJ Sunflower School telah dihadapkan ke Mahkamah bagi tiga (3) pertuduhan di bawah Bab 465 Kanun Hukum Jenayah (Penggala 22) dan dua (2) pertuduhan di bawah Bab 471 dibaca bersama Bab 465 Kanun Hukum Jenayah (Penggala 22).

Bagi pertuduhan di bawah Bab 465 Kanun Hukum Jenayah, hasil siasatan Biro Mencegah Rasuah telah mendapati bahawa sekitar tahun 2011 dan 2012, tertuduh telah memalsukan tiga dokumen yang berupa resit asal Kerajaan Brunei Darussalam dengan mengubah beberapa butiran ke atas resit-resit tersebut, dengan niat untuk menipu Pelabur DKRJ Sunflower School bagi menyakinkan mereka bahawa wang pendahuluan yang mereka laburkan telah diserahkan kepada Kementerian Pendidikan.

Manakala bagi pertuduhan di bawah Bab 471 dibaca bersama Bab 465 Kanun Hukum Jenayah, siasatan mendapati bahawa pada sekitar tahun 2012, tertuduh telah menipu Pelabur DKRJ Sunflower School dengan menggunakan dua Memorandum yang kononnya telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan dan Istana Nurul Izzah, di mana tertuduh tahu bahawa Memorandum-memorandum tersebut adalah palsu.

Semasa dihadapkan ke Mahkamah, semua pertuduhan telah dibacakan kepada tertuduh dan tertuduh telah mengaku bersalah atas semua pertuduhan.

Pemangku Ketua Majistret, Pengiran Masni binti Pengiran Haji Bahar membenarkan supaya tertuduh dibebaskan dengan ikat jamin berjumlah BND10,000 (Ringgit Brunei Sepuluh Ribu) dan dua orang penjamin tempatan dengan syarat tertuduh tidak melakukan kesalahan sepanjang ikat jamin, tidak menghubungi saksi, sentiasa dapat dihubungi oleh Pegawai Penyiasat juga bagi pasport tertuduh untuk ditahan. Mahkamah menetapkan 29 September 2018 sebagai tarikh untuk dijatuhkan hukuman.

Pegawai Pendakwa kes ini adalah Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Rozaimah binti Haji Abdul Rahman.